

D156

U B283 DEB
MAHATHIR - MELAYU

ALOR SETAR, 11 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGAJAK ORANG MELAYU MENGENANG KEMBALI ANCAMAN YANG DIHADAPI OLEH BANGSA MEREKA 42 TAHUN DAHULU SEHINGGA MEMBAWA KEPADA PENUBUHAN UMNO PADA 11 MEI 1946.

PERDANA MENTERI BERKATA, ORANG MELAYU HARI INI LUPA AKAN KETAKUTAN BANGSA MEREKA TERHADAP TEKANAN PENJAJAH BRITISH YANG MAHU MERAMPAS HAK DAN TANAH AIR MEREKA SERTA MAHU MENJADIKAN RAJA-RAJA SEBAGAI "KADI BESAR" YANG HANYA MENJAGA ADAT ISTIADAT DAN AGAMA ISLAM SEHATA-MATA.

+KERANA LUPA DENGAN DESAKAN HIDUP ORANG MELAYU KETIKA ITU, SESETEGAS DARIPADA MEREKA PADA MASA INI BERBUAT BERMACAM-MACAM PERKARA HINGGA SANGGUP MENYERAHKAN NASIB BANGSA KEPADA MAHKAMAH SEHINGGALAH PERTUBUHAN YANG MELINDUNGI BANGSA MELAYU MENJADI HARAM,+ KATANYA PADA MAJLIS BERBUKA PUASA DAN MUZUL QURAN DI MASJID KAMPUNG PULAU KETAN, JITRA, DEKAT SINI.

BELIAU BERKATA, MUJURLAH PERTUBUHAN YANG TELAH MENJADI HARAM ITU DAPAT DIGANTIKAN DENGAN BADAN LAIN -- LAGI.

2225HST 11 05 88

D158

U B284 DEB
MAHATHIR - MELAYU 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TARIKH PENUBUHAN UMNO PADA 11 MEI 1946 SANGAT PENTING UNTUK DIKENANG KEMBALI SEBAGAI PENGAJARAN BAHAWA ORANG MELAYU DOLEH BERSATU-PADU APABILA TERDESAK.

+PADA MASA ITU TIDAK BANYAK PERPECAHAN BERLAKU KERANA ORANG MELAYU TAKUT BANGSA MEREKA AKAN TENGGELAM.

+NASIB KITA BEGITU BERGANTUNG KEPADA UMNO KETIKA ITU DAN TARIKH 11 MEI MERUPAKAN TARIKH KELAHIRAN BENTENG PERTAHANAN KEDUDUKAN BANGSA MELAYU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA YAKIN WALAUPUN SESEORANG ITU BUKAN PENYOKONG UMNO TETAPI JIKA DIA MENANYAKAN DIRINYA SENDIRI SECARA IKHLAS, DIA MENGAKUI BAHAWA NASIB ORANG MELAYU SELAMA INI TERPELIHARA KERANA UMNO.

BELIAU BERKATA, RAKYAT NEGARA INI HENDAKLAH MENGINSAFI BAHAWA MEREKA TIDAK MENDERITA SEPERTI RAKYAT SESETEGAS NEGARA ISLAM LAIN DAN JIKA MEREKA MEMPUNYAI RASA KEINSAFAN, JANGANLAH MENGAMBIL TINDAKAN MELULU DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SEHINGGA NASIB BANGSA TERANCAH. -- LAGI.

2229HST 11 05 88

D161

U B285 DEB
MAHATHIR - MELAYU 3 ALOR SETAR

MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF PULA BERKATA, SELURUH RAKYAT KEDAH TETAP MENYOKONG KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR +TANPA MERASA CURIGA KE HANA HALUAN YANG HENDAK DIBAWANYA+.

BELIAU BERKATA, RAKYAT KAWASAN KUDANG PASU (YANG DIWAKILI OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR DI PARLIKEN DAN DATUK SERI HAJI OSMAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI) MEMPUNYAI PENDIRIAN YANG SANA.

KATANYA, RAKYAT KUDANG PASU DAN SELURUH KEDAH BERHARAP DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK AKAN BERUNDUR DALAM MENGHADAPI APA JUA CABARAN MASA KINI DAN MASA AKAN DATANG. -- BERNAMA

2243HST 11 05 88